

13/07/2002

Wakil AS bukan cari sokongan guling Saddam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lawatan wakil kerajaan Amerika Syarikat ke Malaysia dan beberapa negara Asean bukan bertujuan mendapatkan sokongan rantau ini kepada usaha negara itu menggulingkan Presiden Iraq, Saddam Hussein.

Sebaliknya, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata lawatan berkenaan bertujuan meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama dalam pelbagai bidang bersama anggota Asean.

"Mereka datang ke Malaysia dan beberapa negara Asean lain untuk menjalin kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang termasuk pelaburan, perdagangan dan politik.

"Tidak pernah timbul dalam perbincangan (dengan Malaysia) untuk mendapatkan sokongan kepada usaha Amerika menggulingkan Saddam," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Amerika meminta sokongan negara ini atau anggota Asean lain dalam usaha menggulingkan Saddam,

Sebelum ini, Bush pernah berikrar untuk menggunakan `semua cara' bagi menggulingkan pemerintahan Saddam yang didakwa membangunkan senjata pemusnah besar.

Bagaimanapun, China semalam membantah rancangan jahat Amerika itu, dengan alasan kedaulatan negara Islam berkenaan tidak boleh dicabuli.

Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell, dijangka melawat Malaysia sempena lawatan rasminya ke beberapa negara Asean hujung bulan ini.

Syed Hamid berkata, lawatan beberapa wakil kerajaan Amerika ke Malaysia kini lebih banyak ditumpukan kepada usaha memerangi keganasan antarabangsa yang mana Malaysia juga telah memberi komitmen untuk bekerjasama terutama dalam pertukaran maklumat.

Dalam lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Mei lalu, Kuala Lumpur menangani satu deklarasasi bersama Washington bagi menjalin kerjasama menentang keganasan.

Mengenai pendirian Malaysia kepada ikrar Bush itu, Syed Hamid berkata, Malaysia berasa apa juga masalah yang dihadapi pada peringkat antarabangsa, ia hendaklah diselesaikan melalui resolusi konflik atau rundingan.

"Mana-mana negara mempunyai hak ke atas hala tuju negaranya sendiri dan tidak ada sesiapa yang boleh mengambil hak dan maruah negara berkenaan.

"Jika ada konflik yang timbul, ia perlu diselesaikan di meja perundingan supaya dapat mengelak daripada tercetusnya peperangan yang hanya boleh memusnah dan mencederakan orang awam yang tidak berdosa," katanya.